

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah masalah pengangguran graduan adalah disebabkan penawaran program pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan kerjasama akademik-industri serta apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan graduan berupaya untuk memenuhi keperluan sektor guna tenaga negara pada masa kini dan akan datang. Antara langkah yang senantiasa dilaksanakan adalah dengan memastikan program atau modul yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk Politeknik, Kolej-kolej Komuniti dan Kolej-kolej Vokasional sentiasa relevan dan mengikut keperluan guna tenaga semasa.

Proses penilaian program-program akademik yang ditawarkan oleh IPT sentiasa dilaksanakan dengan mengambil kira input daripada industri bagi tujuan penjumudan, pembekuan dan pelupusan program-program akademik yang tidak lagi relavan dengan keperluan industri.

Selain itu, kerjasama dengan pihak industri melalui program *Intergrated Graduate Employability Structured Program (IGESP)* juga terus dipertingkatkan bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan, bahkan Kementerian mengalu-alukan penglibatan mereka di peringkat awal pembangunan program dan modul akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT. Kerjasama ini amat kritikal untuk memastikan bahawa program-program akademik yang ditawarkan oleh IPT bersifat *industry driven* dan merupakan program yang dapat membentuk graduan untuk memenuhi keperluan semasa industri dan akan datang.

KPM dengan kerjasama universiti awam (UA) telah melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik agar relevan dan terkini serta selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0. Bermula tahun 2017, UA telah menjalankan semakan semula terhadap program-program akademik yang ditawarkan. Melalui semakan tersebut UA telah mengenal pasti program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan Industri dan serta sejajar dengan keperluan IR4.0.

Di samping itu jua, KPM turut melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh UA. Pihak UA mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan IPT, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan , berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0

Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan bahawa pengisian pembelajaran di peringkat universiti adalah selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi.

Antaranya adalah melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme (AI-xChange) :CEO@ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri-industri terkemuka antarabangsa serta tempatan. Pada tahun 2019, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 64 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Antara keberhasilan dan impak dalam pengajaran dan pembelajaran melalui *Academia Talent Exchange Programme (AI-xChange) :CEO@ Faculty Programme* adalah mahasiswa berpeluang memahami dunia sebenar melalui perkongsian pengalaman CEO daripada segi pengurusan pentadbiran, kepimpinan dan teknologi di lapangan. Perkongsian amalan terbaik dari sudut pandangan CEO membolehkan pelajar berfikiran lebih kreatif dan inovatif serta berupaya berfikir di luar kotak, seterusnya mewujudkan pembelajaran lebih holistik. Ini akan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja. Selain itu juga, integrasi dan sinergi antara tenaga pakar industri dengan penyelidik universiti dan pelajar dapat diwujudkan. IPT juga berjaya beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti yang telah membentuk perkongsian sumber untuk pembangunan negara.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa memastikan kualiti dalam perkhidmatan TVET menjangkau tahap standard yang ditetapkan oleh badan akreditasi seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan badan akreditasi dan

NO. SOALAN : 28

profesional yang lain seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan Teknologi (ETAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia, Malaysian Board of Technologist (MBOT), Lembaga Juruukur Tanah (LJT), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), International Maritime Organisation (IMO), Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) dan sebagainya. Agensi-agensi ini telah menetapkan standard piawaian akreditasi bagi program dan institusi yang perlu dicapai dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan benar-benar berkualiti.

Sekian, terima kasih.